

Minda Pengarang



Ubah mentaliti tak ambil endah elak lebih banyak 'Flat Jumanji'

Menonton *Jumanji*, kita pasti terhibur dan teruja dengan plot sarat bahaya apabila kawasan pinggir bandar yang menjadi latar filem itu 'ditumbuhi' rimba dan 'dirempuh' haiwan liar hingga penuh adegan kekacauan serta ketegangan. Malangnya, apa berlaku kepada Flat Kuchai Jaya di Seputeh yang diberikan julukan nama 'Flat Jumanji' memberikan gambaran 180 darjah berlawanan: kawasan parkir berlubang, lopak meloyakan, semak-samun menjadi sarang ular serta tikus, dinding retak dan paip kumbahan bocor, selain laluan gelap serta turut dihuni penagih.

Inilah gambaran gelap ibu kota menyedihkan kerana Flat Jumanji itu hanya sembilan kilometer dari pusat bandar. Kita boleh akui penempatan itu seperti sebahagian pangsapuri dibina pada abad lalu sudah uzur dengan struktur lama, kemudahan reput dan kediaman padat. Namun, kita perlu jujur mengakui kerosakan fizikal ini sering hanya mencerminkan kepunahan lebih besar, iaitu sikap dan budaya sesetengah penghuni sendiri. Kebersihan kawasan diabaikan, lorong jadi tempat pembuangan sampah dan tiada pemeliharaan kemudahan, termasuk lif. Ya, ia disebabkan usianya sudah tua, tetapi sebahagian lagi berpunca mentaliti tidak ambil endah terhadap kebersihan atau sikap 'bukan tanggungjawab aku'.

Ketika kerajaan sedang merangka Rang Undang-Undang (RUU) Pembaharuan Semula Bandar (PSB) baharu yang antara lain membabitkan pembinaan semula 139 kawasan perumahan lama, satu persoalan perlu ditanya: Apakah hanya bangunan mahu diroboh dan dibina semula atau mentaliti lapuk penghuni juga akan diubah dan diperbaharui? Ini kerana tanpa perubahan sikap, sebahagian penduduk akan kembali kepada budaya membuang sampah dari koridor, merosakkan lif baharu dan pelbagai lagi gejala negatif serta enggan membayar yuran penyelenggaraan walaupun sudah mendiami pangsapuri baharu.

Diakui, kita tidak ketandusan contoh baik seperti pembinaan semula Razak Mansion menjadi Mercu Jalil 1 dengan rumah asal sempit diganti kediaman selesa, dilengkapi dewan, surau, tadika dan pasar. Begitu juga Flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1, Petaling Jaya dipuji ramai apabila penduduk berganding bahu melakukan dekorasi ruang lobi lif seperti lobi hotel. Bagaimanapun, semua ini tidak boleh diharap berlaku secara semula jadi dan organik, sebaliknya memerlukan anjakan paradigma semua pihak.

Kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersama pihak berkuasa tempatan (PBT), wajar menjadikan pembaharuan minda sebagai sebahagian penting dalam PSB. Setiap program naik taraf bangunan perlu disertai dengan modul pendidikan komuniti, pengaktifan semula jawatankuasa penduduk dan penyediaan insentif untuk kerjasama kejiranan. Korporat melalui tanggungjawab sosial syarikat boleh membantu dalam memberikan nilai tambah, termasuk taman, pusat dan perpustakaan komuniti serta sistem keselamatan pintar. Pertubuhan bukan kerajaan dan institusi agama perlu turun padang membina semangat kekitaan dan adab berjiran yang hilang di celah blok konkrit.

Hakikatnya, penyelesaian kepada isu perumahan terutama di ibu kota, bukan hanya pada simen, besi dan batu-bata. Apa yang perlu dibina semula juga jati diri dan budaya positif penghuni sebagai warga memiliki rasa bertanggungjawab. Jika tidak, bangunan dengan segala-gala baharu akan kembali menjadi Jumanji, tetapi versi yang tidak menghiburkan, sebaliknya memualkan.